

Headline	Kerjasama tingkat eksport produk kayu		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	22 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	14	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,842
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,525



## Kerjasama tingkat eksport produk kayu

**KUALA LUMPUR:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalin kerjasama dengan sebuah makmal ujian dari United Kingdom dalam usaha meningkatkan eksport produk kayu Malaysia ke Eropah.

FRIM dan Trada Technology Ltd (TTL), cawangan ujian produk pembinaan BM Trada Group, menandatangani perjanjian mengenai perkara itu di ibu pejabat syarikat berkenaan di Buckinghamshire, United Kingdom, Isnin lalu.

### Penuhi piawaian Eropah

Dalam satu kenyataan di sini semalam, FRIM berkata institut itu diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abdul Latiff Mahmood, manakala TTL oleh Pengarahnya Andrew Abbott.

Pemeteraian perjanjian itu membolehkan makmal FRIM menyertai skim CE Marking dan Q-Mark bagi mendapatkan perisytiharan bahawa produk kendaliannya mematuhi syarat yang dikenakan negara Eropah.

### Tumpu dua perkara

Dalam hubungan itu, TTL akan memberi tumpuan terhadap dua perkara utama, iaitu ketahanan kayu yang diuji di Makmal Mikologi Kayu FRIM sejajar dengan EN 350 dan ujian kekuatan struktur kayu oleh Makmal Kejuruteraan Kayu FRIM.

Abdul Latif berkata, ketahanan kayu dalam papan lapis perlu diuji sejajar dengan EN350 bagi memastikan penarafan kekuatan kayu Malaysia tidak menurun.

**BERNAMA**